

## Jualan Murah Keluarga Malaysia@DE Dagang manfaat 100,000 peniaga

Ruwaida Md Zain - September 3, 2022 @ 2:34pm

bhnews@bh.com.my



Annuar (tengah) bersama wakil syarikat yang menyertai JMKM DE Dagang di Plaza Shah Alam di sini, hari ini. - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Program Jualan Murah Keluarga **Malaysia@DE** Dagang (**JMKM@DE** Dagang) dijangka memberi manfaat kepada lebih 100,000 peniaga tempatan dengan jumlah jualan kasar (GMV) melebihi RM1.5 bilion menerusi lima juta transaksi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata menerusi kempen program itu sebanyak 17 Rakan Platform Digital akan menawarkan promosi dan insentif mampu beli kepada rakyat bermula bulan ini hingga Disember depan.

Katanya, kempen selama empat bulan itu hanya dihadkan kepada warganegara dengan mengemukakan maklumat pengenalan diri ketika transaksi dibuat.

"Melalui kempen ini, rakyat negara ini boleh menebus insentif yang ditawarkan dari 17 rakan platform seperti Bizapp, InstanteStore, Jocom, Kravve, Kumoten, Lokein.com, Maybank, Rtist, SiteGiant, Wonderfly dan juga platform luar negara seperti Fave, FoodPanda, Grab, Lazada, OYO Hospitality, Shopee dan TikTok.

"Kempen ini bertujuan membantu mengurangkan beban perbelanjaan rakyat selari dengan aspirasi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi iaitu menurunkan kadar inflasi dan harga makanan yang disokong penuh oleh Kementerian Kewangan.

"Kempen ini adalah sebahagian daripada inisiatif Belanjawan 2022, **JMKM@DE** Dagang bersama Rakan Platform Digital juga akan menyalurkan manfaat dan sokongan kewangan bernilai RM300 juta kepada perniagaan tempatan melalui pelbagai platform e-Dagang dan e-Bayar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Jualan Murah Keluarga **Malaysia@DE** Dagang di Plaza Shah Alam, di sini, hari ini.

**JMKM@DE** Dagang adalah kesinambungan program yang dilancarkan, termasuk Jualan Murah Keluarga Malaysia, Jualan Murah Rangkaian Koperasi, dan Jualan **Murah@Kampus** yang dilancarkan Ogos lalu.

Orang ramai boleh berbelanja pada harga berpatutan dan tidak membebankan terutama barangan harian seperti produk keperluan asas dan runcit, makanan, malah perkakas rumah boleh didapati dengan potongan diskaun sehingga 20 peratus atau maksimum RM100 untuk setiap transaksi.

Annuar berkata, sebagai permulaan pihaknya perlu melihat keberkesanan kempen yang dilaksanakan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) itu dalam tempoh empat bulan sebelum langkah seterusnya dibuat.

"Kita buat dulu (kempen **JMKM@DE** Dagang). Jika sambutannya bagus dan bermanfaat, Insya-Allah akan ada pengumuman dalam sidang belanjawan akan datang untuk tahun hadapan," katanya.